

01 JUN 2003

G8-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR DISAMBUT MESRA OLEH CHIRAC DI SIDANG G8

Oleh: Yong Soo Heong

EVIAN, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi sambutan mesra oleh Presiden Jacques Chirac setibanya di Sidang Kemuncak G8 di sini Ahad.

Sebaik melangkah keluar bot yang dinaiki untuk perjalanan 40 minit dari Lausanne di mana Dr Mahathir menginap, Chirac menjabat tangan dan mendapak beliau dengan mesra. Mereka turut beramah-tamah.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kofi Annan yang tiba selepas pemimpin Malaysia, turut diberikan sambutan yang mesra.

Tetapi, ia jauh berbeza dengan jabat tangan yang ringkas dan senyuman kaku yang diberikan Chirac kepada Presiden George W. Bush daripada Amerika Syarikat yang tiba di sini dengan helikopter dari Geneva.

Bagaimanapun, pegawai Perancis meremehkan jabat tangan yang ringkas dan senyuman kaku apabila berkata hubungan dua hala tidak berdasarkan kepada kemesraan berjabat tangan dan senyuman yang manis.

Samada Perancis dan Amerika akan berbaik semula selepas perselisihan tentang pencerobohan pakatan yang diketuai Amerika terhadap Iraq pada Mac, akan bergantung kepada pertemuan antara Chirac dan Bush esok.

Amerika dilihat telah berdamai dengan Russia apabila Bush menghadiri ulang tahun ke-300 St Petersburg di Russia baru-baru ini apabila Presiden Vladimir Putin dari Russia mengakui bahawa Russia dan Amerika akan meneruskan kerjasama strategik mereka walaupun berselisih pendapat tentang Iraq.

Bush juga telah berjabat mesra dengan Canselor Gerhard Schroeder dari Jerman, seorang lagi penentang perang di Iraq, di St. Petersburg.

Selepas jamuan makan tengah hari sambil bekerja pada Ahad, Dr Mahathir bergambar bersama pemimpin lain. Di barisan kedua, beliau berdiri di sebelah Perdana Menteri Jean Chretien dari Kanada dan di belakang Putin.

Dr Mahathir mengakhiri program Ahad dengan menghadiri jamuan makan malam anjuran Duta Malaysia ke Switzerland, Datuk Ismail Mustapha.

Sementara itu, Evian agak sunyi dari tunjuk perasaan kerana polis Perancis dan anggota tentera mengadakan kawalan keselamatan yang ketat di bandar di mana sidang kemuncak ini diadakan.

Situasinya amat berbeza dengan bandar di seberang Tasik Geneva, khususnya di Lausanne dan Geneva di mana beribu-ribu penunjuk perasaan anti-G8 membakar tayar dan memecahkan tingkap kedai.

Dua kenderaan milik utusan diplomatik Malaysia ke Switzerland dirosakkan oleh penunjuk perasaan di Royal Hotel di Lausanne di mana anggota delegasi dan media Malaysia menginap. -- BERNAMA

SHY FR JR